

20 AUG 2001

Abdullah-Sidang

KABINET ADAKAN MESYUARAT KHAS BINCANG GEJALA SOSIAL

MELAKA, 20 Ogos (Bernama) -- Kabinet akan mengadakan mesyuarat khas membincangkan permasalahan sosial di negara ini sebaik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini berada di luar negara, kembali ke tanah air.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata mesyuarat khas itu akan turut membincangkan laporan yang dikemukakan oleh jawatankuasa gejala sosial yang dipengerusikan beliau.

Beliau berkata jawatankuasa itu telahpun mengumpulkan laporan daripada beberapa kementerian berkaitan, minggu lepas, mengenai gejala buruk sosial yang melanda masyarakat dan cadangan mengenai langkah-langkah untuk menanganinya.

"Saya cadangkan mesyuarat khas itu biarlah Dr Mahathir pengerusikan sendiri. Tentu sekali beliau hendak tahu apakah maklumat dan analisa maklumat yang akan diberikan mengenai gejala buruk yang berlaku dalam masyarakat," katanya selepas merasmikan bangunan tambahan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Bukit Beruang dekat sini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar mengenai empat murid tahun dua di sebuah sekolah di Perak yang dikatakan ditemui oleh guru mereka melakukan seks oral di bilik darjah.

Dr Mahathir kini menghadiri Dialog Antarabangsa Global 2001 (SAID/LID) selama empat hari di Kampala, Uganda.

Abdullah sedih dengan tindakan ibu bapa murid yang didakwa terlibat dalam seks oral di sebuah sekolah rendah di Perak itu kerana membiarkan anak mereka menonton VCD lucah sehingga mendorongnya melakukan perbuatan sama dengan rakan-rakan di sekolah.

"Ini ibu bapa yang tak boleh dijadikan contoh. Bagaimana beliau (ibu bapa) berfikir, saya pun tak faham," katanya.

Dalam kejadian itu murid-murid berkenaan dilaporkan melakukan seks oral di bilik darjah setelah seorang daripada mereka menonton VCD lucah bersama ibu bapanya di rumah dan mahu mencubanya dengan rakan-rakan.

Timbalan Perdana Menteri berkata liberal macam manapun ibu bapa itu, mereka tidak boleh membiarkan anak mereka melakukan apa yang dia suka, kerana anak itu juga adalah anggota masyarakat dan apabila ke sekolah dia boleh mempengaruhi pelajar lain.

"Itu yang tak baik," katanya.

Oleh itu, katanya, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menyemai nilai-nilai yang baik pada masa anak itu masih kecil untuk memastikan dia menjadi anggota masyarakat yang baik.

Beliau berkata peranan para guru juga semakin penting bukan sahaja untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang pendidikan tetapi juga membentuk anggota masyarakat yang berkelakuan baik.

"Bagi anak kita, tak kira mereka belajar di sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan, mereka ini harus diberi didikan menjadi pelajar yang taat setia kepada negara dan Raja.

"(Kita) lahirkan di kalangan mereka supaya mempunyai jiwa patriotik... jadikan mereka anak muda yang tidak ada prejudis terhadap kaum lain atau agama lain, tetapi mereka sentiasa bekerjasama dan mesra di kalangan mereka," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata sekiranya perkara itu berjaya dicapai, maka rakyat Malaysia akan terus menjadi bangsa yang mengamalkan semangat muhibah, bekerjasama, bersatu padu dan taat setia kepada negara.

Dalam ucapannya sebelum itu, Abdullah menekankan supaya ibu bapa dan guru memberikan didikan yang baik kepada anak-anak sejak dari kecil lagi serta menyemai rasa saling menghormati kaum, kebudayaan dan agama lain dalam negara yang terdiri daripada pelbagai kaum ini.

Timbalan Perdana Menteri turut menegaskan bahawa masyarakat bukan Bumiputera tidak perlu bimbang kerana sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil misalnya akan terus dikekalkan kerana negara sentiasa memberi kebebasan bagi rakyat untuk belajar, mengamalkan bahasa dan budaya mereka seperti yang telah termaktub dalam Perlembagaan.

Hak semua kaum di negara ini tidak pernah dinafikan sejak negara diperintah Perikatan pada zaman Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman dan rakan-rakan Tun Tan Cheng Loke serta Tun V. Sambathan dan kini diteruskan dalam Barisan Nasional.

Katanya perpaduan yang kukuh antara kaum juga berupaya menjadikan negara maju dan membangun dengan pesat.

"Kita berpegang teguh kepada kedaulatan undang-undang dan perlembagaan negara dan ini yang menjadikan negara kita maju. Kita perlu pertahankan prinsip Rukun Negara dan kita kena pertahankan cara Malaysia yang aman dan demokrasi," katanya.

Pada sidang media selepas itu, beliau turut ditanya mengenai laporan bahawa PAS dan DAP masing-masing menegaskan boleh menghadapi pilihan raya bersendirian seperti yang dilakukan sebelum wujudnya pakatan pembangkang. Abdullah berkata:"Biarlah mereka bersandiwara sesama mereka."

-- BERNAMA

APG NO RON